

## Isu-Isu Pluralisme Agama dalam Tuntutan Comango: Satu Analisis Terhadap Laporan 2013 dan 2018

### *Issues of Religious Pluralism in Comango's Demands: An Analysis of 2013 and 2018 Reports*

EARNIE ELMIE HILMI\*, KAMARUDIN SALLEH & NUR FARHANA ABDUL RAHMAN<sup>1</sup>

#### ABSTRACT

*Coalition of Malaysian NGO's in the UPR Process (COMANGO) is a group combines several non-governmental organizations (NGOs) in Malaysia. COMANGO has submitted a human rights report to the UN Human Rights Council's Universal Periodic Review process under the UN in 2013 in Geneva. They submitted several requests to the Malaysian government to agree and sign it. There are 17 issues raised, but there are some demands that became controversial including freedom of religion in relation to the right of apostasy and the right of teaching other than Ahl Sunnah wal Jamaah such as Shi'ah, Qadiani, Ahmadiyah and others; the privileged position of the Malays; the right of lesbian, gay, bisexual, transgender, inter-sexed and queer persons (LGBTIQ); as well as intervention attempts in the affairs of the Syariah Court. This research uses qualitative method of document analysis on the COMANGO report of 2013 and 2018 in order to analyse its demands and its relevance to issues of religious pluralism. From this analysis, COMANGO's demands related to issues of religious pluralism amongst others are the apostasy issue, the word Allah and the issue of Article 121 (1A).*

*Keywords: COMANGO, religion in Malaysia, religious freedom, religious pluralism, Universal Periodic Review*

Pada 2013, laporan *Coalition of Malaysian NGO's in the UPR Process (COMANGO)* yang telah disediakan untuk semakan di Proses Semakan Berkala Sejangat Majlis Hak Asasi Manusia di Geneva telah mencetuskan polemik di kalangan masyarakat Islam. Tuntutan mereka dalam laporan tersebut membimbangkan masyarakat Islam kerana terdapat beberapa perkara dalam tuntutan tersebut yang menyentuh sensitiviti masyarakat Islam seperti kebebasan beragama, kedudukan istimewa orang-orang Melayu, hak-hak *lesbian, gay, bisexual, transgender, inter-sexed* dan *queer persons (LGBTIQ)* serta cubaan campur tangan dalam urusan Mahkamah Syariah. Rentetan daripada perkara ini, beberapa NGO Islam telah bersepakat dan menubuhkan Gabungan Pertubuhan-Pertubuhan Islam Dalam Proses Semakan Berkala Sejangat (MuslimUPRO) yang diketuai oleh Azril Mohd. Amin. MuslimUPRO dianggotai pertubuhan Islam utama negara antaranya Pertubuhan-Pertubuhan Pembela Islam (Pembela), Persatuan Peguam Muslim Malaysia (PPMM) Pertubuhan Muafakat Sejahtera Masyarakat Malaysia (Muafakat), Ikatan Muslimin Malaysia (ISMA), Persatuan Cina Muslim Malaysia (MACMA) dan Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM) dan lain-lain. Gabungan ini memantau tuntutan-tuntutan COMANGO dan isu

<sup>1</sup> **Earnie Elmie Hilmi\***(corresponding author) Ph.D. candidate at Centre for Aqidah and Global Peace, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 BANGI, Selangor, Malaysia, email: earnie76@yahoo.com; **Kamarudin Salleh**, Ph.D., assoc. professor at Centre for Aqidah and Global Peace, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 BANGI, Selangor, Malaysia, email:dins@ukm.edu.my; **Nur Farhana Abd Rahman**, Ph.D., senior lecturer at Centre for Aqidah and Global Peace, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 BANGI, Selangor, Malaysia, email: nfarhana@ukm.edu.my.

yang diketengahkan oleh mereka dalam proses Semakan Berkala Sejagat Majlis Hak Asasi Manusia di Geneva.

MuslimUPRo telah mengambil inisiatif yang proaktif iaitu dengan menubuhkan *Centre for human research and advocacy* atau Pusat Penyelidikan dan Advokasi Hak Asasi Manusia (CENTHRA) pada 25 Julai 2014 untuk menyediakan alternatif kepada perspektif Hak Asasi Manusia (HAM) global dalam usaha untuk memberikan pandangan yang seimbang mengikut ajaran dan tradisi Islam (<http://www.centhra.org/who-we-are/>). Menurut Nasharuddin Mat Isa (2014), tugas utama CENTHRA adalah proses UPR untuk pengisian apabila semakan kali ke tiga oleh PBB pada tahun 2018.

Masyarakat Islam telah memberikan pelbagai reaksi kepada tuntutan ini. Pertubuhan bukan kerajaan (NGO) mengadakan pelbagai seminar, wacana dan bengkel untuk menerangkan kepada masyarakat Islam mengenai bahaya tuntutan COMANGO ini, antaranya ialah Forum Comango: Islam tercabar di Geneva-di mana suara ummah? Yang diadakan pada 16 November 2013 serta Seminar Islam dan Hak Asasi Manusia: Cabaran Tuntutan COMANGO dan Masa Depan Malaysia, yang dianjurkan pada 12 Mac 2014. Seminar ini merupakan kerjasama MuslimUPRo, Jabatan Usuludin dan Falsafah, Fakulti Pengajian Islam, UKM dan Yayasan Dakwah Islamiyah Malaysia (YADIM).

Selain dari MuslimUPRo, Ikatan Muslimin Malaysia (ISMA) antara NGO yang kuat menentang COMANGO. ISMA telah melancarkan kempen 'Sejuta Ummah tolak COMANGO'. Kempen ini dilancarkan dengan mengumpul tandatangan secara fizikal dan juga petisyen atas talian untuk diserahkan kepada pihak kerajaan. Selain dari itu, ISMA juga mengedarkan risalah dedah dalang COMANGO dan mengadakan ceramah 'Kempen Selamatkan Ummah di seluruh negara.

Penolakan negatif dari masyarakat Islam menyebabkan Honey Tan Lay Ean dalam laman web SIS telah menangkis dakwaan bahawa pihak COMANGO telah mengancam Islam sebagai agama rasmi Malaysia dan mengancam kedaulatan Malaysia. Beliau menyatakan bahawa COMANGO hanya menyokong kebebasan beragama serta hak individu untuk bebas dari keganasan tidak kira wanita, kanak-kanak, orang tua, orang kurang upaya tanpa mengira orientasi seksual dan identiti jantina. COMANGO memperjuangkan hak untuk bekerja, hak untuk hidup, dan hak untuk privasi dan memperjuangkan kebebasan bersuara dan berpersatuan. Tambah beliau, kesemua kekeliruan tersebut merupakan salah tafsir dan tidak ada usaha meminta penjelasan atau perbincangan. Ketidakpuasan hanya dikemukakan melalui media sahaja. Disebabkan itu beliau telah menawarkan ISMA untuk mengadakan sesi dialog untuk merungkaikan segala salah faham tentang COMANGO (T K Letchumy Tamboo 2014).

Masyarakat Islam yang bimbang dengan tuntutan COMANGO dapat menarik nafas lega kerana tuntutan ini telah ditolak oleh kerajaan Malaysia. Menurut Azril Mohd Amin (2014) dan Nasharudin Mat Isa (2014) penerimaan muktamad Malaysia telah dinyatakan di dalam dokumen rasmi PBB rujukan A/HRC/25/10Add.1 bertarikh 4 Mac 2014. Walaupun sedemikian, COMANGO dan Pertubuhan Islam bukan kerajaan (NGI) dijangkakan akan berpeluang sekali lagi dalam proses Semakan Berkala Sejagat (Universal Periodic Review (UPR) pada Majlis Hak Asasi Manusia, Pertubuhan Bangsa Bersatu (PBB), Geneva apabila pusingan ketiga UPR berlangsung dan membabitkan Malaysia pada November 2018. COMANGO telah melancarkan laporannya pada Jun 2018, manakala pihak NGI juga telah bersedia dengan tertubuhnya CENTHRA oleh MuslimUPRo.

### **Pengenalan COMANGO**

COMANGO ialah singkatan daripada Coalition of Malaysian NGO's in the UPR Process atau Pakatan NGO Malaysia dalam proses UPR. COMANGO ditubuhkan pada tahun 2008 bersama dengan 54 buah organisasi. EMPOWER (Persatuan Kesedaran Komuniti Selangor) dan SUARAM (Suara Rakyat Malaysia) merupakan sekretariat bersama untuk COMANGO (<https://uprmalaysia.com/about-comango/>). Antara pertubuhan-pertubuhan yang menjadi

gabungan COMANGO ialah All Women's Action Society (AWAM), SIS Forum (Malaysia) Bhd (SIS), Association of Womens's Lawyers (AWL), Christian Federation Malaysia (CFM), Jaringan Rakyat Tertindas (JERIT), Sabah Women's Action-Resource Group (SAWO), Young Buddhist Association dan lain-lain.

COMANGO juga turut menggunakan saluran atas talian dan media sosial untuk menyampaikan maklumat dan aktiviti-aktiviti terbaru mereka. Maklumat mengenai pertubuhan ini boleh diakses di facebook dan laman sesawang iaitu di <https://www.facebook.com/COMANGO> dan <https://uprmalaysia.com>. Maklumat terkini disalurkan melalui media ini, sebagai contoh sidang media pelancaran Laporan pihak berkepentingan UPR COMANGO telah diadakan di 'facebook live' pada 7 Jun 2018.

Kementerian Dalam Negeri (KDN) melalui kenyataan media Ketua Setiausahaanya Datuk Mohamad Khalid Shariff pada 8 Januari 2014, memaklumkan bahawa COMANGO merupakan gabungan pertubuhan yang tidak berdaftar. Hasil dari semakan di Jabatan Pertubuhan Malaysia (JPPM) hanya 15 dari 54 pertubuhan dalam gabungan tersebut yang berdaftar dengan JPPM. Ini menyalahi Akta Pertubuhan 1966 di bawah seksyen 7 yang menyatakan bahawa mana-mana pertubuhan yang hendak menjalankan aktiviti secara sah perlu berdaftar dengan JPPM. Mana-mana pertubuhan yang tidak memenuhi keperluan Seksyen 7 tersebut boleh diambil tindakan sebagai pertubuhan yang tidak berdaftar dan menyalahi undang-undang di bawah seksyen 41(1)(b) ([www.moha.gov.my](http://www.moha.gov.my)).

Kenyataan Datuk Mohamad Khalid Shariff mengenai pertubuhan COMANGO yang dikatakan haram telah disangkal oleh Honey Tan Lay Ean dan Yap Swee Seng (2014) dan Christopher Leong (2014) dalam kenyataan media. COMANGO menyangkal dakwaan bahawa pertubuhan yang berdaftar sahaja yang boleh menjalankan aktiviti secara sah. Menurut mereka, lampiran yang disenaraikan dalam kenyataan media dari KDN itu juga mengelirukan. Tuduhan ini merupakan taktik politik untuk mengelirukan rakyat. Mereka mencadangkan agar pengharaman ini ditarik balik.

### Tuntutan COMANGO

Pada tahun 2013, COMANGO telah mengemukakan laporan hak asasi manusia ke proses Semakan Berkala Sejangat Majlis Hak Asasi Manusia di bawah PBB. Menurut Khairul Azhar Meerangani (2013), terdapat 17 isu yang dibangkitkan tetapi terdapat beberapa perkara yang menjadi kontroversi iaitu isu kebebasan beragama, pengiktirafan terhadap LGBTIQ, isu perkauman serta cubaan campur tangan dalam urusan mahkamah syariah. Manakala pada Jun 2018, COMANGO telah melancarkan laporan pihak berkepentingan UPR.

Tuntutan COMANGO yang menjadi kontroversi pada tahun 2013 ialah (Khairul Azhar Meerangani et al. 2013 dan Muhammad Rashidi Wahab 2017):

1. Malaysia digesa untuk menandatangani International Covenant on Civil and Political Rights (ICCPR). Dalam Artikel 18 ICCPR mengandungi *the rights of religious freedom* (kebebasan beragama). Kebebasan untuk memilih agama atau kepercayaan termasuk hak seseorang untuk menukar agama yang dianuti.
2. Malaysia digesa untuk menandatangani International Covenant on the Elimination of All Forms of Racial Discrimination (ICERD). Implikasi perkara ini akan mengheret kepada isu perkauman dan mencabar status quo yang melibatkan kedudukan orang Melayu dan Islam sepertimana yang terdapat dalam Perlembagaan Malaysia dan semangat kontrak sosial.
3. Malaysia didakwa enggan mengiktiraf hak Sexual Orientation and Gender Identity (SOGI) sebagai hak asasi manusia. Mereka yang terlibat dengan Lesbian, Gays, Bisexual, Transgendered, Inter-sexed and Queer persons (LGBTIQ) dikatakan telah diberikan hak layanan yang buruk serta dinafikan hak sebagai manusia. Implikasi perkara ini akan

membawa kepada amalan kebebasan orientasi seksual songsang termasuk memberi kebenaran untuk mengiktiraf pekahwinan sesama jenis.

Tuntutan yang dikemukakan oleh COMANGO di atas telah ditolak oleh kerajaan Malaysia dalam dokumen rasmi PBB. Walaupun sedemikian, pada 3 Jun 2018 COMANGO telah mengadakan sidang media untuk melancarkan laporan pihak berkepentingan UPR ke proses Semakan Berkala Sejagat Majlis Hak Asasi Manusia di bawah PBB untuk diserahkan pada November 2018 (<https://www.facebook.com/COMANGO/>). Hasil daripada penelitian laporan yang dimuat naik dari laman rasmi UPR Malaysia, ketiga-tiga isu yang menjadi kontroversi pada laporannya yang terdahulu masih ada dengan penambahan beberapa contoh isu-isu yang terbaharu seperti kes anak-anak M. Indira.

### **Tuntutan Comango dalam Isu-Isu Pluralisme Agama**

Isu-isu pluralisme agama yang wujud di Malaysia antaranya ialah perancangan penubuhan Suruhanjaya Antara Agama (IFC), kumpulan Artikel 11, isu kebebasan beragama (*Religious Freedom*), murtad, kalimah Allah, pertikaian perkara 121 (1A), mengucapkan salam kepada bukan Islam, penggunaan ayat-ayat al-Qur'an dan Hadis oleh orang bukan Islam dalam ucapan politik, perkongsian perayaan dan acara keagamaan, serta isu pengharaman yoga. Artikel ini akan membincangkan tuntutan COMANGO dalam laporan 2013 dan 2018 yang berkaitan dengan isu-isu dalam pluralisme agama. Tuntutan COMANGO dalam laporan mereka yang melibatkan isu-isu dalam pluralisme agama ialah mengenai kebebasan beragama (*Religious Freedom*), murtad, kalimah Allah dan pertikaian perkara 121 (1A).

#### Kebebasan Beragama

Kebebasan beragama (*Religious freedom*) berkait rapat dengan Perlembagaan Malaysia iaitu Artikel 11 (1). Artikel 11 (1) iaitu tiap-tiap orang berhak untuk menganuti dan mengamalkan agamanya, dan tertakluk kepada Fasal (4), mengembangkannya. Isu kebebasan beragama sering diperjuangkan oleh pihak yang menyokong hak asasi manusia seperti Kumpulan Artikel 11, SUARAM, COMANGO dan lain-lain. Laporan COMANGO 2013 memberikan beberapa kes yang menggugat keharmonian kebebasan beragama seperti:

1. Akhbar *Herald* dilarang menggunakan kalimah Allah oleh Kementerian Dalam Negeri (KDN) sedangkan Mahkamah Tinggi membatalkan larangan tersebut.
2. Hasil dari keputusan mahkamah ini, sekurang-kurangnya 10 gereja telah diserang dengan bom petrol, bom botol dan disimbah cat oleh puak pelampau orang Melayu.
3. 5100 Bible dalam bahasa Melayu telah dirosakkan oleh kerajaan.
4. DAP dituduh untuk menukarkan Islam kepada Kristian sebagai agama rasmi. Presiden PERKASA memberi amaran terhadap kekerasan ke atas penganut Kristian. Manakala Nazri Aziz menteri Undang-undang *de facto* menegaskan bahawa tindakan tidak akan diambil kepada Ibrahim Ali kerana sekiranya sedemikian, ianya melanggar *freedom of speech*.
5. Pada tahun 2011 Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) telah menyerbu Damansara Utama Methodist Church (DUMC) selepas mendapat aduan mengenai terdapat orang-orang Islam menyertai acara *proselytization* (tukar agama atau dalam keadaan ini pengkristianan).
6. Masyarakat Islam yang berfahaman selain dari pengikut ASWJ tidak mempunyai kebebasan beragama, Syiah dan lain-lain dianggap sebagai *deviant* (menyimpang) dan tindakan akan dikenakan kepada mereka ini.

7. Apabila kuil masyarakat Hindu dicadangkan untuk dipindahkan ke tempat majoritinya Melayu, ianya dicabuli dengan kepala lembu. Walaupun dua orang pelakunya telah didenda, namun KDN telah mempertahankan tindakan mereka.
8. Kelab bukan Islam telah ditutup di sekolah awam.
9. Buku terjemahan bahasa Melayu, *Allah, Liberty and Love* karya Irshad Manji telah diharamkan oleh KDN. Pegawai agama telah menangkap Pengurus kedai buku dan pengarah syarikat penerbitan yang kedua-duanya beragama Islam. Kedua-duanya telah dibicarakan di Mahkamah Syariah.
10. Lelaki yang berusia 60 tahun dan tiga orang anaknya tidak boleh mengistiharkan diri mereka sebagai penganut Hindu walaupun mereka telah mengangkat sumpah bahawa mereka adalah penganut Hindu seumur hidup. Mereka dianggap sebagai orang Islam kerana ibubapa lelaki tersebut merupakan orang Islam secara rasminya, tetapi hidup sebagai penganut Hindu.
11. Seorang suami yang merupakan penganut Hindu telah memeluk agama Islam dan menukarkan agama 3 orang anaknya tanpa pengetahuan dan keizinan isterinya. Pihak berkuasa berkeras bahawa ayahnya berhak untuk menukarkan agama anak-anaknya kepada Islam secara *unilaterally* (melalui satu pihak).

Manakala dalam laporan 2018, sesetengah kes masih disebut dalam laporan tersebut, antaranya ialah kes seorang suami yang telah menukarkan agama anak-anaknya kepada Islam, penggunaan kalimah Allah, pengikut Ahmadiyah dan Syiah. Terdapat beberapa perkara tambahan yang dimasukkan dalam laporan 2018 ini, antaranya ialah:

1. Pemaksaan menganuti agama Islam masih berlaku kerana kesalahan dalam status agama dalam kad pengenalan dan memburukkan lagi keadaan ialah undang-undang tidak membenarkan untuk murtad.
2. Penahanan Mustafa Akyol. Mustafa Akyol merupakan warganegara Turkey dan penulis kepada buku *Islam without extremes: A Muslim case for liberty* (2011) terjemahan bahasa Melayunya ialah *Islam tanpa keekstreman: Berhujah untuk kebebasan* (2016).
3. Pengharaman beberapa buku mengenai Islam di bawah seksyen 7 Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984. Antara buku yang diharamkan ialah karya dari Mustafa Akyol, *Assalamualaikum: Observations on the Islamisation of Malaysia* (2015) dari Zaid Ibrahim, *Breaking the Silence: Voices of Moderation-Islam in Constitutional Democracy* (2016) himpunan artikel dari Kumpulan G25.
4. Golongan aties yang diburu.

Hasil daripada isu-isu kebebasan beragama yang dilaporkan oleh COMANGO, didapati terdapat dua perkara utama yang berkaitan dengan isu-isu dalam pluralisme agama. Kedua-dua perkara yang mempunyai kaitan dengan isu-isu dalam pluralisme ini ialah murtad dan kalimah Allah. Kedua-dua isu ini merupakan perkara yang sangat dititikberatkan oleh COMANGO kerana ianya ada dalam kedua-dua laporan tersebut. Perbincangan lanjut mengenai dua isu utama ini ialah Murtad dan kalimah Allah.

#### Murtad

Menurut Khadijah Mohd Khambali dan Mohd Herzali (2008) kes Lina Joy merupakan kes pertama yang membabitkan Artikel 11 yang dibawa ke peringkat Mahkamah Persekutuan untuk ditafsirkan. Kerajaan Malaysia dikecam hebat berkenaan kebebasan agama (*religious freedom*) mengenai isu ini. *The Becket Fund for Religious Liberty* telah menghasilkan satu kertas kerja berkenaan dengan pandangan mereka terhadap isu murtad Lina Joy ini. *The Becket Fund for Religious Liberty* merupakan satu organisasi bukan untung, perundangan awam yang sah dan

institusi pendidikan. Institusi ini merupakan satu institusi yang mempertahankan kebebasan agama dan merupakan satu-satunya firma yang mempertahankan semua agama

Bagi pendapat mereka, untuk kes ini Malaysia telah melanggar Hak Asasi Manusia sebagaimana yang terkandung dalam Article 18 dalam Universal Declaration of Human Rights (“UDHR”),<sup>1</sup> dan Articles 18, 19 dan 26 dalam International Covenant on Civil and Political Rights (ICCPR) dan juga Convention on the Elimination of All Forms of Discrimination Against Women (CEDAW) (<https://www.becketlaw.org>). Untuk kes murtad, COMANGO memberikan contoh-contoh kes iaitu:

1. Kes Zaina Abidin @ Balachandran: Kes Lelaki yang berusia 60 tahun dan tiga orang anaknya tidak boleh mengumumkan diri mereka sebagai penganut Hindu walaupun mereka telah mengangkat sumpah bahawa mereka adalah penganut Hindu seumur hidup. Mereka dianggap sebagai orang Islam kerana ibubapa lelaki tersebut merupakan orang Islam secara rasminya, tetapi hidup sebagai penganut Hindu.
2. Kes Muhammad Ridhuan Abdullah dan anak-anaknya: Seorang suami yang merupakan penganut Hindu telah memeluk agama Islam dan menukarkan agama 3 orang anaknya tanpa pengetahuan dan keizinan isterinya (M. Indhira Gandhi). Pihak berkuasa berkeras bahawa ayahnya berhak untuk menukarkan agama anak-anaknya kepada Islam secara *unilaterally* (melalui satu pihak).
3. 7000 penganut Hindu peluk Islam tanpa rela yang didakwa oleh *Hindu Conversion Action Team* kerana kesalahan dokumentasi: Pemaksaan menganuti agama Islam masih berlaku kerana kesalahan status agama dalam kad pengenalan dan memburukkan lagi undang-undang tidak membenarkan murtad.

Kes murtad sentiasa menjadi kes yang kontroversi kerana pihak yang menyokong dan menentang murtad mempunyai alasan masing-masing. Bagi pihak yang menegakkan Hak Asasi Manusia, tidak membenarkan seseorang untuk murtad atau menukar agama adalah bertentangan dengan Artikel 11(1) dalam Perlembagaan Persekutuan dan Artikel 18 dalam International Covenant on Civil and Political Rights (ICCPR). Bagi pihak mereka, sepatutnya pilihan seseorang itu sama ada untuk kekal atau keluar dari agama tersebut haruslah dihormati. Manakala isu murtad bagi pihak yang menentang ialah kerana dalam agama Islam ianya dianggap satu kesalahan yang amat besar kerana telah mengkhianati agama.

#### Kalimah Allah

Polemik isu ini bermula pada tahun 31 Disember 2007 apabila pihak KDN memperbaharui permit Herald-The Catholic Weekly tanpa larangan menggunakan kalimah Allah. KDN menegaskan larangan tersebut masih berkuatkuasa sebagaimana surat larangan pertama yang dikeluarkan KDN pada tahun 1998 dan peringatan dari KDN pada tahun 2006 mengenai larangan menggunakan kalimah Allah sebagai pra-syarat penyambungan permit. Pada 3 Januari 2008 mesyuarat kabinet mengekalkan keputusan larangan tersebut.

Pihak gereja tidak berpuashati dengan keputusan tersebut dan pada 16 Februari 2009 melalui Ketua Paderi Murphy Pakiam telah memfailkan permohonan semakan semula kehakiman di mahkamah Tinggi Kuala Lumpur. Pada 31 Disember 2009 Mahkamah memutuskan larangan KDN kepada Herald dalam menggunakan kalimah Allah adalah salah di sisi undang-undang, batal dan tidak sah. KDN telah memfailkan rayuan di Mahkamah Rayuan pada 4 Januari 2010 ([www.sinarharian.com.my/semasa/kronologi-kes-gereja-guna-kalimah-Allah-1.352432](http://www.sinarharian.com.my/semasa/kronologi-kes-gereja-guna-kalimah-Allah-1.352432)).

Kes ini berterusan sehinggalah pada 21 Januari 2015 bahawa Gereja Roman Katolik bersama bahan terbitannya Herald tidak dibenarkan menggunakan perkataan Allah dalam akhbar terbitan bahasa Melayunya. Walaupun demikian, isu kalimah Allah masih wujud dalam laporan COMANGO pada 2018. Sepatutnya isu kalimah Allah ini tidak perlu dibangkitkan lagi

kerana Mahkamah Persekutuan telah mengeluarkan keputusannya dan COMANGO sepatutnya menghormati keputusan ini ([www.sinarharian.com.my/semasa/kalimah-allah-saluran-perundangan-herald-berakhir-1.352814](http://www.sinarharian.com.my/semasa/kalimah-allah-saluran-perundangan-herald-berakhir-1.352814)).

Yusri Mohamad (2012) menyatakan bahawa kalimah Allah ini merupakan garis pemisah antara Islam dengan agama-agama lain. Sekiranya penganut agama lain boleh menggunakannya untuk merujuk kepada Tuhan atau sembah agama mereka, maka berlakulah pelanggaran terhadap hak Allah dan meleburkan garis-garis pemisah tersebut.

Pada Muzakarah kali ke-80 pada 1-3 Februari 2008, muzakarah bersetuju memutuskan bahawa lafaz Allah merupakan kalimah suci yang khusus bagi agama dan umat Islam dan tidak boleh digunakan atau disamakan dengan agama-agama bukan Islam lain. Oleh itu wajib bagi umat Islam menjaganya dengan cara terbaik dan sekiranya terdapat unsur-unsur penghinaan atau penyalahgunaan terhadap kalimah tersebut, maka ia perlu disekat mengikut peruntukan undang-undang yang telah termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan (Jabatan Kemajuan Islam Malaysia 2009: 26).

Menurut Khalif Muammar (2015) ketika isu Allah ini berlangsung, Malaysia ditekan oleh masyarakat antarabangsa khususnya media massa Barat agar akur dengan tuntutan orang bukan Islam. Keengganan masyarakat Islam di Negara ini untuk membenarkan orang bukan Islam menggunakan nama Allah dianggap bercanggah dengan prinsip hak asasi manusia yang "universal". Disebabkan perkara ini COMANGO telah mengemukakan tuntutan mengenai kalimah Allah.

Tuntutan kepada kalimah Allah ini sepatutnya tidak lagi diutarakan oleh pihak COMANGO kerana mahkamah sudah memutuskan bahawa hanya orang Islam sahaja yang dibenarkan menggunakan perkataan ini. Menimbulkan kembali isu ini akan menyebabkan masyarakat Islam merasa tidak selesa dengannya.

### Campur Tangan Mahkamah Syariah

Isu campurtangan Mahkamah Syariah dalam laporan COMANGO (2013: 16) dapat dirumuskan seperti berikut:

1. Mengkanunkan undang-undang, membuat dasar dan melakukan langkah pentadbiran bahawa kanak-kanak tidak boleh ditukarkan agamanya kepada Islam tanpa keizinan kedua-dua ibubapa.
2. Meminda Akta Memperbaharui Undang-Undang (Perkahwinan dan perceraian) 1976 (Law Reform (Marriage and Divorce) Act 1976) agar melarang menukarkan agama secara unilateral (satu pihak) sebagaimana keputusan Mahkamah Persekutuan pada 29 Januari 2018.
3. Mengkaji atau melaksanakan pembentukan semula kuasa Jabatan Agama Negeri untuk mengelakkan berlakunya salahguna kuasa.
4. Gunakan tindakan undang-undang atau apapun langkah yang diperlukan untuk menghentikan pempolitikan Islam dan memastikan semua agensi kerajaan, terutamanya Jabatan Pendaftaran Negara, mengamalkan sikap profesionalisme dan sikap berhati-hati bukannya secara rambang mendaftarkan seseorang sebagai Islam.
5. Menyemak semula semua undang-undang dan dasar berkenaan dengan penolakan Islam dan/atau penukaran agama dengan menjadikan permohonan sepertinya bukan jenayah dan memansuhkan keperluan untuk proses pemulihan.

Cadangan-cadangan tersebut kebanyakannya merupakan rujukan kepada kes anak-anak M. Indira Gandhi yang ditukarkan dari agama Hindu kepada agama Islam oleh bapanya tanpa kebenarannya. Menurut Tan Yi Liang (2016) mahkamah Rayuan memutuskan bahawa isu-isu mengenai penukaran agama Islam adalah bidang kuasa eksklusif Mahkamah Syariah 121 (1A). M.

Indira Gandhi telah mengemukakan rayuan terhadap keputusan ini. Akhirnya mahkamah Persekutuan memutuskan penukaran agama tiga anak-anak tersebut adalah terbatal dan tidak sah di sisi undang-undang.

Keputusan Mahkamah Persekutuan ini menimbulkan perasaan tidak puas hati di kalangan masyarakat Islam. Menurut Khairil Ashraf (2018) perkara ini menyebabkan Mufti Perak, Tan Sri Harussani Zakaria dan Mufti Pahang, Datuk Seri Abdul Rahman Osman membantah keputusan tersebut. Mereka membantah kerana dikhuatiri akan memberikan kesan kepada kes lain dalam jangka panjang. Disebabkan itu, Perdana Menteri pada masa itu menasihatkan masyarakat Islam supaya menerima keputusan Mahkamah Persekutuan. Menurut beliau, sukar untuk memuaskan hati semua pihak, namun sistem, proses dan keputusan harus dihormati demi kepentingan semua pihak.

Kalau dilihat aspek dalam laporan COMANGO tersebut, sememangnya laporan COMANGO mempunyai cubaan untuk campur tangan dalam undang-undang Syariah dan Mahkamah Syariah seperti mencadangkan untuk melakukan semakan semula terhadap undang-undang Syariah di negara ini. Perkara ini juga turut diakui oleh Azril Mohd Amin (2013) dalam laporan COMANGO 2013 di Perkara 9.1, dan 9.5 terdapat campur tangan dan usaha menghapuskan peruntukan-peruntukan berkaitan kesalahan-kesalahan jenayah syariah dan enakmen-enakmen berkaitan yang diberikan label negatif seperti "moral policing" dan dianggap sebagai melanggar "hak-hak peribadi". Hal ini menyentuh peruntukan-peruntukan yang lahir dari kedudukan Perkara 3 (1) Perlembagaan Persekutuan yang memposisikan Islam sebagai Agama Persekutuan dan Enakmen-enakmen berkaitan kesalahan-kesalahan Syariah yang diluluskan.

Sepatutnya kes campurtangan oleh mana-mana pihak dalam mahkamah Syariah tidak akan berlaku dengan adanya peruntukan perkara 121 (1A) dalam perlembagaan Malaysia. Campurtangan yang tidak sepatutnya dalam kes-kes mahkamah Syariah menyebabkan masyarakat Islam merasa terganggu dan dalam sesetengah keadaan mereka akan membantah dan melakukan demonstrasi seperti yang berlaku kepada kes kalimah Allah, laporan COMANGO 2013, kes anak-anak M. Indhira dan sebagainya.

Secara kesimpulannya, isu-isu hak asasi manusia yang sering dituntut keadilannya menjadi kontroversi apabila ianya menyentuh isu-isu sensitiviti keagamaan. Islam tidak menolak hak asasi manusia, namun sekiranya ianya bertentangan dengan syariat, maka hak asasi tersebut hendaklah ditentang. Perkara inilah yang menjadi faktor penentangan kepada laporan COMANGO oleh ISMA dan MuslimUPRo. Menurut mereka, tuntutan dalam laporan ini menggugat agama Islam dan bercanggah dengan syariat seperti tuntutan mengenai kebebasan beragama, pengiktirafan terhadap LGBTIQ, isu perkauman serta cubaan campur tangan dalam urusan mahkamah syariah.

Antara tuntutan-tuntutan tersebut, terdapat tuntutan yang berkait dengan isu-isu pluralisme agama seperti isu murtad, kalimah Allah, dan percubaan untuk campur tangan urusan Mahkamah Syariah. Walaupun sedemikian, tuntutan mereka tidak berjaya kerana Malaysia telah menolak tuntutan ini dalam dokumen rasmi PBB. Namun, tuntutan ini tidak berakhir begitu sahaja kerana COMANGO akan mengemukakan tuntutan mereka pada November 2018. Isu-isu tuntutan masih kekal seperti dalam laporan mereka pada 2013 dengan penambahan beberapa fakta kes sepanjang 2013-2018. Namun demikian, pihak NGI mempunyai persediaan awal untuk menangani tuntutan COMANGO ini dengan tertubuhnya CENTHRA.

Isu-isu tuntutan COMANGO dalam pluralisme agama bukan merupakan perkara baru kerana isu ini telah diperjuangkan oleh pihak-pihak yang memperjuangkan hak asasi manusia. Permulaan perjuangan mereka ini ialah dari cadangan penubuhan IFC, kumpulan Artikel 11 serta melalui pertubuhan-pertubuhan seperti SUARAM, SIS, MCCBCHS dan akhirnya COMANGO. Setakat ini, isu-isu dalam pluralisme agama ini masih terkawal dengan adanya kawalan dari pihak kerajaan dan juga NGO. Sebagai contoh apabila 9 orang Menteri menandatangani memorandum berkenaan dengan saranan agar meminda Perkara 121 (1A), Perdana Menteri pada masa itu, Tun Abdullah Badawi menegaskan bahawa Perkara 121 (1A) tidak akan dipinda.



## References

- Azril Mohd Amin. 2013. <https://azrilmohdamin.com/2013/09/09/ahli-parlimen-muslim-diminta-dedahkan-kandungan-taklimat-upr-oleh-comango/>. Retrieved: 2 August 2018.
- Azril Mohd Amin 2014. Malaysia tolak tuntutan-tuntutan kontroversi di UPR Geneva. <https://azrilmohdamin.com/2014/03/21/malaysia-tolak-tuntutan-tuntutan-kontroversi-di-upr-geneva/>. Retrieved: 2 August 2018.
- Becket. Religious liberty for all. 2005. <https://www.becketlaw.org/case/malaysia-state-imposed-religious-identities/?section=caseLegal>. Retrieved: 9 June 2018.
- Christopher Leong. 2014. Press release: Declaration of unlawfulness of COMANGO is highly flawed and must be revoked. [www.malaysianbar.org.my](http://www.malaysianbar.org.my). Retrieved: 19 July 2018.
- CENTHRA. 2018. <http://www.centhra.org/who-we-are/>. Retrieved: 2 Ogos 2018.
- COMANGO. 2018. <https://uprmalaysia.com>. Retrieved: 10 Ogos 2018.
- COMANGO. 2018. <https://www.facebook.com/COMANGO>. Retrieved: 22 July 2018.
- Honey Tan Lay Ean. 2013. UPR (Semakan Berkala Sejagat): Laporan COMANGO. <http://www.sistersinislam.org.my/news.php?item.1232.98>. Retrieved: 20 Mei 2018.
- Honey Tan Lay Ean dan Yap Swee Sing. 2014. Kenyataan media COMANGO. <https://empowermalaysia.org/.../09012014-Kenyataan-Media-COMANGO-Berkenaan-kdn.pdf>. Retrieved: 20 Julai 2018.
- Mohd Khambali @ Hambali, K., & Mohd Haled, M. 2008. Toleransi Beragama dan Amalannya di Malaysia: Rujukan Kepada Artikel 11 Perlembagaan Persekutuan Malaysia. *Jurnal Usuluddin* (27): 81-92.
- Khalif Muammar A. Harris. 2015. *Islam dan Pluralisme agama: Memperkukuh tawhid di zaman kekeliruan*. Kuala Lumpur: Dewan bahasa dan Pustaka.
- ISMA. 2013. ISMA lancar kempen sejuta ummah tolak COMANGO. [v2.ismaweb.net](http://v2.ismaweb.net) – ISMA lancer kempen 'Sejuta Ummah tolak COMANGO'. Retrieved: 6 August 2018.
- Kenyataan Media Ketua Setiausaha mengenai COMANGO. 2014. <http://www.moha.gov.my/index.php/en/kenyataan-media-kdn/1174->. Retrieved: 10 Julai 2018.
- Khairil Ashraf. 2018. <http://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/2018/01/29/kes-indira-mufti-perak-pahang-bantah-keputusan-mahkamah/>. Retrieved: 12 August 2018.
- Khairul Azhar Meerangani, Syamsul Azizul Marinsah, Muhamad Asyraf Ahmad Termimi, Muhammad Ikhlis Rosele dan rahimin Affandi Abdul Rahim. 2013. Hak asasi bukan Muslim di Malaysia: Analisis isu terpilih. *International seminar on Islamic jurisprudence in contemporary society*. Fakulti Pengajian Kontemporari Islam, UNISZA, Kuala Terengganu, 30 November- 1 Disember.
- Laporan COMANGO. 2013. <https://uprmalaysia.com/about-comango/>. Retrieved: 4 Ogos 2017.
- Laporan COMANGO. 2018. <https://uprmalaysia.com/about-comango/>. Retrieved: 31 Julai 2018.
- Muhammad Rashidi Wahab. 2017. Pemikiran liberalisme dalam wacana agama dan ancamannya di Malaysia. *Wacana Pemikiran dan Peradaban Ummah ke-9*. MUAFAKAT, JAKIM, MAIWP. Putrajaya, 17 Januari.
- Nasharudin Mat Isa. 2014. Warkah Geneva: Berkat doa kesatuan. Utusan online. [Ww1.utusan.com.my](http://Ww1.utusan.com.my) 23/03/2014. Retrieved: 25 July 2018.
- Perlembagaan Persekutuan*. 2017. Selangor: International Law Book Services.
- T K Letchumy Tamboo. 2014. COMANGO ajak ISMA berdialog. [www.astroawani.com](http://www.astroawani.com). Retrieved: 10 Ogos 2018.
- Tan Yi Liang. 2016. Indira Gandhi akan bawa kes ke Mahkamah Persekutuan. <http://www.mstar.com.my/berita/berita-mahkamah/2016/01/06/indira-gandhi-bawa-kes-mahkamah-persekutuan/>. Retrieved: 2 August 2018.
- Yusri Mohamad. 2012. Ancaman pluralisme agama di Malaysia: Satu tinjauan awal. Dlm. *Pluralisme agama: satu gerakan iblis memurtadkan Ummah*. Kuala Lumpur: Pertubuhan Muafakat Sejahtera Masyarakat Malaysia.
- [www.sinarharian.com.my/semasa/kronologi-kes-gereja-guna-kalimah-Allah-1.352432](http://www.sinarharian.com.my/semasa/kronologi-kes-gereja-guna-kalimah-Allah-1.352432). Retrieved: 10 May 2018.